



**SIARAN AKHBAR**

**HARI AMBD 2015**

**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS  
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SABTU, 12 SYA'BAN 1436 BERSAMAAN DENGAN 30 MEI 2015**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) terus menganjurkan pelbagai aktiviti pada hari Sabtu, 12 Sya'ban 1436 bersamaan 30 Mei 2015, hari terakhir Pameran Hari AMBD 2015 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas.
2. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari terakhir Hari AMBD 2015 adalah Ceramah Celik Kewangan, *Spend Wisely Challenge* dan *Treasure Hunt*. Aktiviti-aktiviti ini diadakan disamping Pameran Hari AMBD 2015 yang mempamerkan fungsi dan peranan AMBD serta tawaran institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan masing-masing. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini adalah disamping pameran Hari AMBD 2015
3. Ceramah Celik Kewangan, yang diadakan di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).
  - 3.1 Seperti ceramah yang telah diadakan pada hari kedua Hari AMBD 2015, ceramah ini dibahagikan kepada dua topik, iaitu Perancangan Kewangan dan Skim Cepat Kaya;
  - 3.2 Ceramah ini bertujuan untuk memberi gakanan kepentingan pengurusan kewangan secara berhemat dan juga cara menghindari diri daripada Skim Cepat Kaya dan penipuan kewangan.
  - 3.3 Ceramah ini adalah selaras juga dengan Pengisytiharan Hari Menabung Kebangsaan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Majlis Perasmian Hari AMBD 2015 pada 28 Mei 2015.
  - 3.4 Ceramah Perancangan Kewangan telah disampaikan oleh YM Siti Aminah binti Hj Abd Rahman, Perancang Kewangan Bertauliah dari Baiduri Bank Berhad bagi sesi pagi dan YM

Hjh Raeidyah binti Haji Bujang, Perancang Kewangan Islam Bertauliah dari Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi sesi petang. Manakala bagi ceramah Skim Cepat Kaya telah disampaikan oleh wakil daripada Unit Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan, AMBD;

- 3.5 Turut hadir pada ceramah tersebut ialah wakil daripada agensi-agensi Kerajaan dan juga orang ramai.
4. Acara penyampaian hadiah bagi “*Spend Wisely Challenge*”, yang telah diadakan selama 3 hari juga telah diadakan.
  - 4.1 Cabaran tersebut adalah permainan mini di mana para peserta dikehendaki untuk mengumpulkan duit syiling 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen ke dalam mangkuk yang berasingan dalam masa 60 saat mengikuti nilai masing-masing;
  - 4.2 Walaubagaimanapun, duit syiling 50 sen hanya dapat dikumpul tidak melebihi daripada 20 keping (atau BND10.00) setiap mangkuk, dan tidak melebihi BND2.00 setiap mangkuk bagi duit syiling 5 sen, 10 sen dan 20 sen;
  - 4.3 Ini adalah mengambilkira duit syiling 50 sen hanya sah diperlakukan untuk pembayaran tidak melebih BND10.00, manakala duit syiling 5 sen, 10 sen dan 20 sen, hanya sah diperlakukan tidak boleh melebihi B\$2; dan
  - 4.4 Pemenang bagi cabaran ini ialah Md Arifuddin bin Awg Roslan, memenangi telephone pintar Sony Xperia.
5. Acara *Treasure Hunt* pula diadakan pada sebelah petang hari ketiga Hari AMBD 2015 ini.
  - 5.1 Acara ini disertai oleh 30 puluh pasukan, di mana setiap pasukan mempunyai 2 peserta;
  - 5.2 Acara tersebut telah dibukakan kepada pelajar-pelajar daripada pusat-pusat tingkatan enam, Kolej-kolej dan Universiti-Universiti; dan
  - 5.3 Pasukan *Victorious Secret*: Zuratul Nadhirah binti Zulkifli and Syazwani binti Hj Yusof, penuntut UBD telah memenangi acara tersebut, memenangi dua tiket pulang balik ke Kuala Lumpur.
6. Upacara penyampaian hadiah bagi pemenang cabaran *Spend Wisely* dan *Treasure Hunt* telah disempurnakan oleh YM Hajah Lily binti Haji Kula, Pemangku Pengarah Urusan AMBD.

#### Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 12 Sya'ban 1436 / 30 Mei 2015  
Rujukan: AMBD/COMMS/5